

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2024
N01 PENAGA

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarokatuh, salam hormat dan salam sejahtera saya ucapkan terlebih dahulu kepada Yang Berhormat Tuan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat ADUN Persidangan, Yang Berhormat Pegawai-Pegawai Tadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang, serta kesemua Ahli-Ahli Dewan yang saya muliakan.

Tuan Yang Dipertua dan sidang dewan sekalian, kita sedia maklum pada era revolusi ini, kepelbagaian sudut ekonomi itu perlu bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi di negeri kita sama ada ia di peringkat mikro mahupun makro. Saya juga seawalnya telah sedia maklum bahawa dasar dan visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu (dengan izin) Yang Dipertua, *Penang 2030* di bawah perkara (dengan izin) *Innovative Entrepreneurship* di mana pada asasnya ingin memberi galakan inovasi baharu usahawan-usahawan tempatan terutamanya golongan muda seterusnya mewujudkan wadah pemasaran perniagaan yang strategik yang boleh diperbadankan. Visi dan matlamat ini juga jelas secara amnya ingin memberi inisiatif penggalakan industri baharu bagi menambahbaik rekod aliran masuk pelaburan yang mencakupi pelaburan langsung domestik (DDI) seterusnya pelaburan langsung antarabangsa (FDI) terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Oleh itu, kita juga dapat melihat kemajuan ekonomi pesat yang ketara dalam negeri ini banyak diberikan penumpuan dalam sektor pembuatan, pelancongan dan perkhidmatan, serta sektor perlombongan. Indikator pecahan prestasi ekonomi Pulau Pinang pada tahun sebelumnya menunjukkan bahawa sektor pertanian antara sektor yang perlu dibangunkan lebih-lebih lagi dalam aspek penyumbang peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri.

Soalan saya, apakah strategi utama kerajaan negeri untuk memupuk daya-usaha penduduk tempatan pelbagai bangsa dalam keterlibatan industri pertanian secara efektif yang mana merangkumi inovasi teknologi baharu bagi memelihara sumber asli secara mampan serta dapat memperkasakan ekonomi pertanian negeri?

Seterusnya, apakah langkah-langkah kerajaan negeri untuk menarik minat pelaburan luar bagi mengkomersialkan industri pertanian negeri?

Terima kasih Yang Dipertua.

Mohd Shamim Bin M Nordin

N01 Penaga

Sidang Muda 2024

